

ZAKAT SEBAGAI INSTRUMEN IBADAH DAN SOSIAL DI MALAYSIA

Azman Ab Rahmanⁱ, Mohamad Qamarulzaman Bin Mohamad Zaniⁱⁱ
& Muhamad Azhad Al-Bohariⁱⁱⁱ

ⁱPengarah IFFAH, Pensyarah Fakulti Undang-Undang Syariah Universiti Sains Islam
Malaysia. azmanusim@usim.edu.my

ⁱⁱ Fakulti Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. mohd.qamarulzaman@gmail.com

ⁱⁱⁱ Fakulti Undang-Undang Syariah, Universiti Sains Islam Malaysia. azhadsampj@gmail.com

Abstrak

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai ibadah individu, tetapi juga sebagai mekanisme pembangunan masyarakat secara holistik. Artikel ini mengupas kedudukan zakat dari dua dimensi utama: pertama, sebagai ibadah spiritual yang menyucikan harta dan jiwa; dan kedua, sebagai alat strategik dalam mencapai matlamat Maqasid Syariah khususnya dari sudut perlindungan harta, nyawa dan kesejahteraan sosial. Melalui analisis sejarah dan pelaksanaan zakat di zaman Nabi SAW sehingga ke konteks moden di Malaysia, artikel ini menekankan kepentingan sistematik dalam pengurusan zakat, termasuk cadangan pemindahan lebihan zakat antara negeri bagi menyeimbangkan keperluan asnaf. Hasil dapatan mendapati bahawa pendekatan zakat yang menepati prinsip Maqasid Syariah mampu menjadi tonggak kepada sistem agihan kekayaan yang adil, memperkukuh solidariti umat, serta menangani ketidakseimbangan ekonomi. Justeru, artikel ini mencadangkan agar dasar pelaksanaan zakat diperluas dan diperhalusi agar lebih sejajar dengan objektif maqasid syariah dalam membentuk masyarakat Islam yang adil, berdaya tahan dan sejahtera secara rohani dan material.

Kata kunci: zakat, maqasid syariah, keadilan sosial, ibadah, agihan harta, Malaysia

PENDAHULUAN

Zakat adalah salah satu daripada lima rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim yang memenuhi syarat tertentu. Fungsinya bukan sahaja untuk menyucikan harta, tetapi turut memastikan kekayaan diagihkan secara adil dalam kalangan masyarakat Islam yang memerlukan. Zakat berperanan sebagai ibadah spiritual yang mendalam, dan kedudukannya sebagai rukun Islam menandakan betapa pentingnya ia dalam kehidupan seorang Muslim. Melalui kewajipan ini, individu bukan sekadar memenuhi tanggungjawab agama, tetapi juga menzahirkan keimanan yang kukuh: menyambungkan hubungan erat antara ibadah kepada Allah SWT dan tanggungjawab sosial terhadap kesejahteraan kaum Muslimin.

Menurut Dhar (2013), zakat dianggap sebagai instrumen keadilan sosial dan alat penghapusan kemiskinan yang efektif dalam masyarakat Muslim. Ia bukan sekadar derma wajib, tetapi satu bentuk redistribusi kekayaan yang menyuburkan rasa simpati dan solidariti dalam ummah. Al-Salih (2020) pula menjelaskan bahawa zakat membantu menyucikan hati pemberi daripada sifat tamak, sembari

menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan kemampunan ekonomi masyarakat secara lebih luas.

Pengenalan Zakat

Zakat merupakan salah satu daripada lima rukun Islam dan merupakan kewajipan yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada setiap Muslim. Ia melibatkan pemberian sebahagian daripada harta kepada mereka yang memerlukan. Zakat berperanan dalam dua aspek utama: sebagai ibadah yang menyucikan harta dan sebagai mekanisme untuk mencapai keseimbangan ekonomi dan sosial dalam masyarakat Islam. Kewajipan zakat diperolehi daripada al-Quran dan diperjelaskan melalui hadis Nabi Muhammad SAW.

Pelaksanaan zakat bermula pada zaman Nabi Muhammad SAW, di mana baginda tidak hanya menggalakkan umat Islam untuk membayar zakat, tetapi juga menguruskan sistem pengagihan zakat. Pada masa itu, zakat berfungsi sebagai sumber kewangan utama bagi negara Islam dan digunakan untuk membantu golongan yang memerlukan. Nabi Muhammad SAW melantik sahabat untuk menguruskan pengumpulan dan pengagihan zakat kepada penerima yang berhak sepertimana yang telah disebutkan di dalam al-Quran.

Selepas kewafatan Nabi SAW, sistem zakat diteruskan oleh para sahabat, khususnya dalam era Khulafa' ar-Rashidin. Khalifah pertama, Saidina Abu Bakar, menghadapi tentangan daripada sebahagian umat Islam yang enggan membayar zakat dan hal ini telah menyebabkan Perang Riddah. Abu Bakar bertegas bahawa zakat adalah kewajipan asas dalam Islam yang tidak boleh diabaikan.

Di bawah pemerintahan Saidina Umar al-Khattab, sistem zakat diperbaiki dengan penstrukturan yang lebih teratur. Pelbagai langkah diperkenalkan, termasuk pendaftaran penerima zakat dan penambahbaikan dalam pentadbiran zakat. Peranan zakat pada zaman ini amat penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat Islam, yang turut disokong oleh kajian semasa mengenai kesan zakat terhadap kesejahteraan ekonomi umat Islam (Razali Syahputra, et al., 2024).

Hingga kini zakat mempunyai sistem pengurusannya yang tersendiri, termasuklah hal berkaitan kutipan mahupun agihan zakat. Di Malaysia, pelbagai institusi zakat negeri telah ditubuhkan untuk menguruskan zakat secara lebih efisien dan sistematik. Kajian oleh Noor Hasnita et al. (2025) menunjukkan bahawa sistem zakat moden di Malaysia memainkan peranan penting dalam pengurangan kemiskinan melalui penyediaan bantuan pendidikan, modal perniagaan, dan keperluan asas bagi golongan asnaf.

Ibadah zakat mempunyai kedudukan yang tinggi dalam agama kerana selain berfungsi sebagai instrumen sosial, zakat juga merupakan ibadah yang disyariatkan untuk menyucikan jiwa dan harta. Dalam al-Quran, zakat sering digandingkan dengan solat, menunjukkan kesempurnaan seseorang Muslim bukan hanya melalui ibadah peribadi tetapi juga melalui sumbangannya kepada masyarakat. Perkara ini dapat dilihat menerusi surah al-Baqarah ayat 177 yang bermaksud:

" *Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi...*"

(al-Quran. al-Baqarah: 177)

Ayat ini menggambarkan bahawa zakat adalah salah satu manifestasi kebajikan dalam Islam yang menekankan keimanan dan tanggungjawab sosial. Bahkan, zakat bukan sahaja semata-mata satu tanggungjawab kewangan, tetapi lebih kepada ibadah yang mempunyai dimensi spiritual dan moral yang mendalam. Zakat berfungsi sebagai satu cara untuk menyucikan harta seseorang daripada elemen ketamakan dan kezaliman. Ia juga merupakan satu cara untuk membersihkan jiwa daripada sifat keduniaan yang melampau, menjadikan harta sebagai alat untuk kebaikan, bukan sekadar untuk kepentingan peribadi.

Melalui pengeluaran zakat, seorang Muslim secara sedar mengakui bahawa segala rezeki yang diperoleh adalah milik Allah, dan tanggungjawab mereka adalah untuk berkongsi sebahagian daripada rezeki tersebut kepada mereka yang memerlukan. Secara tidak langsung, zakat menjadi satu peringatan bahawa setiap Muslim hanyalah pemegang amanah harta yang dianugerahkan oleh Allah SWT dan terdapat di dalamnya hak yang sewajarnya diberikan kepada orang lain yang memerlukan.

Selain itu, pengeluaran zakat merupakan cerminan keimanan yang mendalam kepada Allah. Seseorang Muslim yang menunaikan zakat dengan ikhlas menunjukkan kepercayaannya kepada janji Allah tentang balasan bagi orang yang berbuat baik, serta kepercayaannya bahawa harta bukanlah satu-satunya sumber kebahagiaan dan keselamatan. Zakat memupuk sifat tawakkal dan yakin kepada rezeki Allah, serta mengingatkan bahawa apa yang kita miliki di dunia ini adalah sementara dan akan dihisab di akhirat.

Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud:

"Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga dia mencintai saudaranya seperti dia mencintai dirinya sendiri."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Zakat mengukuhkan prinsip ini dengan mewajibkan orang Islam membantu sesama mereka, terutama golongan yang memerlukan, sebagai satu bukti keimanan yang benar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan menerapkan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajiannya. Instrumen pengumpulan data yang digunakan adalah analisis dokumen. Contoh jenis dokumen yang digunakan sebagai rujukan kajian termasuk tesis, buku, seminar, dan artikel kajian yang berkaitan, sama ada dalam bentuk fizikal ataupun digital. Data yang dikumpul seterusnya akan diteliti dan dievaluasi sehingga membentuk suatu kesimpulan yang menjadi dapatan untuk kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Zakat & Maqasid Syariah

Selain difahami sebagai suatu ibadah wajib yang perlu dilaksanakan oleh setiap Muslim, zakat juga mempunyai dimensi yang lebih luas apabila dikaitkan dengan Maqasid Syariah. Zakat bukan sekadar tuntutan syarak, tetapi berperanan sebagai instrumen strategik dalam mencapai lima objektif utama Maqasid Syariah iaitu pemeliharaan agama (din), nyawa (nafs), akal ('aql), keturunan (nasl), dan harta (māl). Dalam konteks ini, zakat membantu menyucikan harta individu sambil memastikan pengagihan kekayaan berlaku secara adil dan seimbang dalam masyarakat. Ia menjadi mekanisme untuk mengelakkan penumpukan kekayaan dalam tangan segelintir golongan berada, sekaligus menutup jurang antara kaya dan miskin.

Di samping itu, zakat memainkan peranan penting dalam perlindungan nyawa apabila dana zakat digunakan untuk menyara golongan miskin dan asnaf yang memerlukan. Bantuan ini bukan sahaja memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan rawatan kesihatan, tetapi juga menyumbang kepada kestabilan dan keharmonian sosial dengan mengurangkan tekanan hidup dan potensi gejala sosial.

Dalam kerangka negara Islam moden seperti Malaysia, zakat telah dikembangkan fungsinya melalui pelbagai inisiatif kebajikan, pendidikan, dan pembangunan ekonomi. Agihan zakat bukan sahaja berasaskan keperluan harian, tetapi turut melibatkan modal keusahawanan, biasiswa pendidikan, latihan kemahiran dan bantuan rumah, sekaligus memperkasa komuniti asnaf agar keluar daripada kitaran kemiskinan. Sebagai langkah strategik tambahan, cadangan seperti pemindahan lebihan kutipan zakat dari negeri yang surplus ke negeri yang mengalami defisit menunjukkan usaha berterusan untuk menyelaras sistem zakat secara nasional. Pendekatan ini bukan sahaja pragmatik, malah mencerminkan aspirasi pelaksanaan zakat yang selari dengan Maqasid Syariah secara menyeluruh dan inklusif.

Dalam mazhab Syāfi'ī, pemindahan hasil kutipan zakat dari satu negeri ke negeri lain dibenarkan dalam situasi tertentu. Terutamanya apabila terdapat lebihan zakat di negeri asal yang tidak teragih sepenuhnya, maka memindahkannya ke negeri yang memerlukan dianggap lebih bermanfaat (Sumrowi, 2022). Pandangan ini disokong oleh ulama terdahulu seperti Ibn Ṣalāḥ dan Ibn Firqah, yang menyatakan

bahawa zakat yang tidak digunakan di negeri pengumpulan dapat digerakkan ke kawasan yang berkeperluan sebagai bentuk manfaat berterusan.

Namun begitu, Imam al-Syirbīnī mengambil sikap lebih berhati-hati dan menekankan bahawa pemindahan zakat adalah tidak dibenarkan sekiranya masih terdapat golongan asnaf yang berhak menerimanya di negeri asal. Beliau berhujah bahawa zakat yang dikutip mestilah diagihkan terlebih dahulu kepada mereka yang layak di kawasan tersebut sebelum sebarang pemindahan dilakukan – sebaliknya, hak mereka mungkin diragut sekiranya dana itu dipindahkan secara prematur.

Walau bagaimanapun, jika benar-benar terjadi bahawa kutipan zakat melebihi keperluan asnaf tempatan dan masih belum digunakan sepenuhnya, maka pemindahan ke negeri lain yang memerlukan menjadi jalan penyelesaian yang lebih baik daripada membiarkan dana itu tidak digunakan. Ini memastikan zakat diagihkan dengan lebih optimum dan manfaatnya dirasakan oleh golongan yang fakir atau miskin di kawasan lain yang memerlukan (Sumrowi, 2022).

Memindahkan lebih zakat dari satu negeri ke negeri lain dalam tahun yang sama dapat dilihat sebagai langkah yang lebih efektif dalam mengagihkan zakat. Ini selaras dengan tuntutan maqasid Syariah, khususnya dalam konteks menjaga harta dan memelihara keadilan dalam pengagihan. Huraian berikut akan menjelaskan mengapa pemindahan lebih zakat ini adalah lebih baik dan sesuai dengan prinsip maqasid syariah :-

1. Menjaga Harta dan Mencegah Ketirisan

Dalam kerangka Maqasid Syariah, penjagaan terhadap harta (ḥifz al-māl) bukan sahaja merujuk kepada pemilikan individu tetapi juga melibatkan pengurusan kekayaan umat secara menyeluruh agar tidak berlaku pembaziran, ketirisan atau penyelewengan. Lebih zakat yang tidak diagihkan dengan sempurna menunjukkan berlakunya kelemahan dalam pelaksanaan fungsi institusi zakat. Ini boleh berpunca daripada kegagalan mengenal pasti penerima yang sebenar, kurangnya data yang dikemas kini, atau sistem agihan yang terlalu bersifat prosedural. Oleh itu, apabila lebih zakat itu dipindahkan ke negeri lain yang lebih memerlukan, ia bukan sahaja mencegah pembaziran dan penimbunan, malah menghidupkan fungsi zakat sebagai alat edaran harta yang dinamik dan responsif kepada keperluan sebenar masyarakat. Langkah ini memperkukuh integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan zakat, selaras dengan prinsip syarak dalam memastikan setiap sen zakat membawa manfaat kepada golongan sasaran.

2. Pengagihan yang Lebih Adil dan Berkesan

Sistem pengagihan zakat yang adil (‘adl) memerlukan agihan dilakukan mengikut keperluan sebenar, bukan sekadar berdasarkan tempat kutipan. Sekiranya negeri tertentu mempunyai lebih zakat yang tidak dapat diagihkan secara menyeluruh kerana kekurangan asnaf atau keengganan penerima untuk tampil, maka ini mencerminkan ketidakseimbangan dalam proses edaran. Dalam hal ini, pemindahan

lebih zakat ke negeri yang kekurangan membantu merapatkan jurang dan membentuk agihan yang lebih efisien. Ia juga mengurangkan pergantungan golongan miskin kepada sedekah atau memohon bantuan secara terbuka, yang kadang-kadang menjejaskan maruah mereka. Dengan adanya sistem pemindahan lebih zakat ini, institusi zakat bukan sahaja dilihat lebih proaktif, malah turut menepati maksud syarak yang lebih tinggi, iaitu memastikan keperluan umat Islam dilindungi secara sistematik dan penuh rahmah.

3. Memastikan Keadilan Sosial

Keadilan sosial adalah antara objektif penting dalam sistem zakat dan Maqasid Syariah, di mana kekayaan tidak harus berlegar dalam kalangan segelintir golongan sahaja. Dalam konteks ini, zakat bukan sekadar ibadah individu, tetapi menjadi sistem agihan semula kekayaan (redistributive justice) yang menyokong struktur masyarakat yang lebih seimbang. Apabila lebih zakat disalurkan ke kawasan yang lebih memerlukan, ini bermakna zakat berfungsi sebagai jambatan untuk mengurangkan ketidaksamaan sosial antara negeri kaya dan negeri miskin. Pemindahan ini bukan satu bentuk ketidakadilan kepada negeri asal, sebaliknya merupakan satu bentuk solidariti dan ihsan dalam semangat ukhuwwah Islamiyyah. Hal ini juga mendorong penyatuan masyarakat Islam seluruhnya dalam memperjuangkan kesejahteraan bersama dan menghapuskan ketidakstabilan ekonomi dalam negara.

4. Mengelakkan Penimbunan Harta

Antara kebimbangan yang timbul dalam pengurusan lebih zakat adalah apabila dana zakat dibiarkan terkumpul tanpa digunakan dalam tempoh yang munasabah. Ini boleh membawa kepada penimbunan (kanz), satu konsep yang ditegah oleh syarak jika harta disimpan tanpa tujuan yang jelas atau tidak dimanfaatkan untuk maslahat umum. Penimbunan zakat juga boleh menimbulkan persepsi negatif masyarakat terhadap institusi zakat, yang akhirnya merosakkan kepercayaan awam. Maka, pemindahan lebih zakat membolehkan dana tersebut dimobilisasi ke kawasan yang lebih kritikal, lalu dimanfaatkan dalam bentuk bantuan langsung, pembiayaan mikro, perumahan asnaf atau pendidikan anak-anak miskin. Ini memastikan zakat terus berfungsi sebagai pemangkin pembangunan dan bukan sekadar tabungan tidak aktif.

5. Mempertingkatkan Keberkesanan Pengurusan Zakat

Pengurusan zakat yang strategik perlu sentiasa dinilai semula agar kekal relevan dengan cabaran semasa. Dalam era teknologi dan sistem maklumat, proses agihan zakat seharusnya berasaskan data, keperluan sebenar dan prinsip keberkesanan (efficiency). Pemindahan lebih zakat memberikan ruang kepada institusi zakat untuk melakukan audit keperluan antara negeri dan menyusun semula keutamaan agihan. Ia juga membuka jalan kepada kerjasama antara negeri dalam bentuk

perkongsian sumber, penyaluran bersama atau integrasi sistem pangkalan data asnaf. Ini memperkasa pengurusan zakat bukan sahaja dari segi keberkesanan agihan, tetapi juga dalam aspek tadbir urus yang telus, cekap dan berorientasikan hasil (outcome-based). Secara tidak langsung, ia menyumbang kepada reputasi institusi zakat sebagai entiti beramanah dan profesional dalam menguruskan dana awam berasaskan syariat.

Maka jelaslah bahawa langkah memindahkan lebih zakat dari satu negeri ke negeri lain dalam tahun yang sama bukan sahaja **harus**, bahkan **digalakkan** dari sudut fiqh, maqasid, dan praktikaliti pengurusan. Ia sejajar dengan prinsip *ḥifẓ al-māl* (menjaga harta), *‘adl* (keadilan), dan *ta‘āwun* (saling membantu), serta menyokong visi Islam dalam membina masyarakat yang sejahtera dan bersatu padu. Inilah antara manifestasi keunggulan sistem zakat Islam yang bukan sahaja bersifat ritual, tetapi juga menyentuh dimensi sosial, ekonomi dan kemanusiaan sejagat.

PERBINCANGAN

Dimensi Spiritual Zakat Dalam Membina Masyarakat Beriman

Zakat bukan sekadar kewajipan syariah, tetapi juga satu ibadah yang memberi kesejahteraan rohani (spiritual wellbeing) kepada mereka yang menunaikannya. Dengan membayar zakat, seorang Muslim membersihkan dirinya daripada sifat tamak dan bakhil, dan mendidik hati untuk bersyukur atas nikmat Allah SWT. Tindakan memberi ini memperkukuh ikhlas dan ketakwaan dalam diri, kerana ia mengingatkan bahawa harta dunia hanya sementara, manakala amal ikhlas yang kekal di sisi-Nya (S. Qadryani, et al., 2024). Lebih daripada itu, zakat memberi peluang mendalam kepada seseorang untuk merasai nikmat memberi — sesuatu yang nilai spiritualnya tidak mampu diukur dengan material. Memberi rezeki kepada yang memerlukan memberi satu kepuasan batin yang mendalam, mempererat hubungan manusia dengan Allah dan mendidik rasa kesedaran dan empati sejati (Deni Rahman et al., 2023).

Dari segi hubungan sosial, zakat menjadi jambatan mendekatkan insan. Ia membentuk masyarakat yang harmoni dan lebih adil, di mana golongan kaya berkongsi rezeki dengan golongan memerlukan. Ini menyemai nilai persaudaraan, simpati dan tanggungjawab sosial dalam kalangan umat Islam, sekaligus membina ikatan ukhuwwah yang kukuh. Di samping memperkukuh keimanan dan hubungan sesama manusia, zakat turut menyumbang kepada pengurangan ketidaksamaan ekonomi. Dengan pengagihan kekayaan secara lebih saksama, ia bukan sahaja memerangi kemiskinan tetapi juga merapatkan jurang sosial yang boleh menyebabkan ketidakpuasan, konflik dan ketegangan masyarakat.

Secara keseluruhan, ibadah zakat mencerminkan konsep *fardhu kifayah* dalam bentuk tanggungjawab kolektif bukan hanya ditanggung individu tetapi komuniti Muslim secara keseluruhan. Kesedaran bahawa zakat merupakan tanggungjawab bersama memperkukuh perpaduan dan kohesi sosial. Melalui pengagihan zakat yang

berstruktur dan adil, kesejahteraan seluruh ummah dapat dipertingkatkan, dan ketidakadilan sosial dapat diminimumkan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, zakat adalah kewajipan dalam Islam yang berfungsi sebagai instrumen sosial dan ekonomi. Pelaksanaannya bertujuan untuk membersihkan harta individu dan membina masyarakat yang seimbang. Sistem zakat, seperti yang dilaksanakan pada zaman Nabi Muhammad SAW dan para sahabat, adalah asas kepada masyarakat Islam yang adil dan harmoni. Zakat juga merupakan antara salah satu ibadat yang amat penting dalam memenuhi aspek atau prinsip maqasid Syariah, iaitu penjagaan harta dan nyawa. Justeru, zakat adalah satu elemen yang sangat penting dalam Islam, bukan sahaja dari sudut ibadah peribadi tetapi juga dalam membina kesejahteraan masyarakat. Sebagai satu ibadah yang wajib, zakat menghubungkan antara keimanan kepada Allah dan tanggungjawab sosial. Ia melambangkan keikhlasan dan ketakwaan seseorang Muslim serta menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang adil, makmur, dan harmoni. Dalam menghayati falsafah zakat, seorang Muslim bukan sahaja memenuhi tanggungjawab agamanya tetapi juga memainkan peranan dalam membina dunia yang lebih baik dan penuh berkat.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Projek Penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) USIM, dengan tajuk Kerangka Kompetensi Amil Zakat Institut Pengajian Tinggi (IPT) Ke Arah Membangun Malaysia Madani Kod Penyelidikan FRGS/1/2023/SSI13/USIM/01/1. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

RUJUKAN

- Aysha Al-Salih (2020), 'The Role of Zakat in Establishing Social Welfare & Economic Sustainability: The Case of Saudia Arabia', *International Journal of Financial Research*, Vol. 11, No. 6, 196-202.
- A. Pawi Sumrowi (2022), 'Consequences of Transferring Zakat Collection & Distribution From The Ruler To The Individual', *Hunafa: Jurnal Studia Islamika*, Vol. 19, No. 1, 52-67.
- Deni Rahman, Ahmad Rozelan, Silvianetri S. (2023), 'Psychological Impact Of Paying Zakat Obligations Through Zakat Management Institutions', *Darussalam Journal of Psychology & Educational*, Vol. 2, No. 2, 64-73.
- Noor Hasnita A., Jasmin Ilyani, S. Rafidah Dawam, Mazura M., Afida Ahmad, Nora Baizura, N. Rasidah (2025), 'Evaluaying The Impact Of Zakat: A Framework

- For Poverty Alleviation & Economic Growth', *International Journal of Entrepreneurship & Management Practices*, Vol. 8, No 29, 292-306.
- Pranam Dhar (2013), 'Zakat As A Measure of Social Justice in Islamic Finance: An Accountant's Overview', *Journal of Emerging Economic & Islamic Researchs (JEEIR)*, Vol. 1, No. 1, 64-74.
- Razali A. Syahputra, Abbas A., Mudashiru S., M. Zaid, Hengchao Zhang (2024), 'Zakat & Poverty Alleviation in Malaysia-A Systematic Review And Bibliometric Analysis', *International Journal of Islamic Economics & Finance Research*, Vol. 7, No. 2, 31-54.
- Siti Qadryani, Q. Ayuniyyah, Trisiladi S. (2024), 'The Impact of Zakat Distribution on Achieveing Prosperity (A Case Study Of Baznas Bogor)', *Al-Infaq: Jurnal Ekonomi Islam*, Vol. 15, No. 2, 408-420.